

KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN...

Ikhwan, telah mengadakan suatu majlis am menyambut Hari Raya Haji yang diadakan pada malam Hari Raya 9

Zulhijjah bersamaan dengan 16 Jun 1959. Di padang berhampiran dengan Panggung Taj, Geylang, Singapura.

Pensyarah-pensyarah di dalam majlis itu ialah Ustazah Aminah binti Kwong Husain dan al-Ustādh Mahfuz bin Ghodal

dari Sulawesi, dan dipengerusikan oleh Edrus. Sungguhpun petangnya hujan lebat majlis ini telah

dihadiri oleh lebih daripada 4,000 orang kaum Muslimin. Ikhwan pada malam itu telah membahagi-bahagikan percuma

suatu risalah yang sesuai dengan Hari Raya Korban yang telah dicetak sebanyak 15,000 naskhah. Kandungan

risalah itu demikian:

Kepada saudara-saudara Ikhwan al-Muslimin amnya dan saudara-saudara anggota Ikhwan khususnya.

Kami terbitkan risalah ini pada Hari Arafah di dalam mana sekalian manusia, di dalam satu pakaian yang sama, memakai kain yang tidak berjahit dan bercantum, dengan tidak ada beza di antara satu dengan lain, baik kaya atau miskin – semuanya sama serupa, datang di sana di dalam udara yang panas terik menunaikan suatu fardu haji, menyempurnakan seruan Tuhan – *labbayka Allāhumma labbayk* – inilah hamba-Mu hai Tuhanku, inilah hamba-Mu memenuhi panggilan-Mu.

Allāhu akbar! Tuhan yang Maha Besar, umat Islam dengan reda dan tabah hatinya menyempurnakan panggilan Tuhan ke suatu tempat yang tandus yang tidak ada tumbuh sephohon pun tumbuh-tumbuhan tempat berlindung. Kedatangan mereka tidak lain dan tidak bukan hanya berharap kepada keredaan Tuhan – *labbayka Allāhumma labbayk* – inilah hamba-Mu hai Tuhanku, inilah hamba-Mu memenuhi panggilan-Mu – panggilan mana jika diwajibkan oleh Tuhan ke atasnya supaya disempurnakan dengan menyerahkan jiwa raganya sebagai korban kerana agamanya nescaya diterima dan disambut oleh mereka dan akan disempurnakannya dengan tidak sedikit juapun berasa gentar – inilah sambutan dan penerimaan seseorang Muslim kepada seruan Tuhannya – datang ke tempat yang diperintahkan ia datang dengan tidak ada sesuatu muslihat selain daripada menyempurnakan dan menyambut seruan Tuhan.

Allāhu akbar! Tatkala umat yang bersaf yang serupa keadaan pakaiannya dan masing-masing khusyuk dan *khuḍu'*, menundukkan dan merendahkan dirinya kepada Allah, maka pada saat mereka naik ke Jabal al-Raḥmah, nun di sana seakan-akan berdengung-dengung, seakan-akan terdengar-dengar lagi di telinga mereka-mereka yang beriman akan suara Muḥammad (SAW) yang berseru di dalam masa Haji Perpisahan, Hujjat al-Widā' pada 8 Zulhijjah (7 Mac tahun 632 M) yang menyeru umatnya dengan suatu ucapan:

“Hai sekalian manusia! Dengarlah perkataan-perkataanku, sebab aku tidak mengetahui adakah kemudian daripada ini aku akan berpeluang lagi berjumpa dengan kamu di sini!

“Tahukah kamu hari apakah hari ini? Inilah *yawm al-nahr* (hari korban yang disucikan). Tahukah kamu bulan apakah bulan ini? Inilah bulan yang disucikan! Tahukah kamu tempat apakah tempat ini? Inilah bandar yang disucikan! Aku maklumkan kepada kamu bahawa nyawamu, harta bendamu dan kehormatanmu yang satu terhadap kepada mereka yang lain haruslah disucikan sebagai hari yang suci ini, sebagai bulan yang suci ini dan sebagai bandar yang suci ini. Hendaklah kamu sampaikan khabar ini kepada mereka-mereka yang tidak hadir. Kamu akan menghadapi Tuhanmu kelak yang akan menuntut jawab, yang akan menanya pertanggungjawaban kamu atas perbuatan-perbuatan kamu!

“Hai sekalian manusia! Hari ini Syaitan telah berputus asa daripada mendirikan lagi penyembahan di negerimu

ini tetapi sekiranya kamu mengikutnya walau dalam satu perkara yang nampak kecil sekalipun dalam pandanganmu itulah akan menjadi kemenangan baginya. Oleh itu hendaklah kamu berjaga-jaga atasnya.

“Hai sekalian manusia kamu adalah mempunyai hak di atas isteri-isteri kamu dan isteri-isteri kamu mempunyai hak juga ke atas kamu. Mereka itu (isteri-isteri kamu) ialah amanah Allah di dalam tanganmu. Buatlah ke atas mereka itu dengan kebaikan dan tentang hamba-hambamu hendaklah kamu beri kepada mereka itu makanan yang kamu makan dan pakaian yang kamu pakai.

“Hai sekalian manusia! Hendaklah kamu ketahui bahawa tiap-tiap Muslim itu bersaudara. Kamu sekalian adalah sama (mempunyai hak yang sama, mempunyai kewajipan yang sama). Kamu semuanya adalah menjadi anggota di dalam persatuan persaudaraan yang sama. Bagi tiap-tiap seorang daripada kamu dilarang mengambil sesuatu daripada saudaranya kecuali apa-apa yang diberikan dengan kemahuannya sendiri. Kamu janganlah hendak menindas umatmu (merosakkan hak-haknya)”.

Allāhu akbar! Allāhu akbar! Allāhu akbar!

Tuhanku! Demi sesungguhnya kami telah berusaha menyampaikan seruan-seruan rasul Kamu kepada umatnya. Bukakanlah hati mereka, berilah taufik dan hidayah Kamu kepada kami dan kepada mereka.

Allāhu akbar! Di dalam umat mengerjakan pekerjaan-pekerjaan haji yang diwajibkan kepada mereka, tidak sesuatu tujuan mereka selain daripada patuh kepada perintah Allah. Mereka ke sana semata-mata kerana menunaikan seruan Tuhan dan mengerjakan segala sesuatu tidak lain daripada taat kepada Allah. Segala suruhan yang dilakukan kalaulah mereka bukan seorang yang taat kepada perintah-perintah Allah nescaya segala pekerjaan-pekerjaan haji itu tidak tergamak dilakukan mereka kerana banyak di dalamnya perkara-perkara yang tidak termasuk kepada akal.

Allāhu akbar! Tidakkah dalam masa mengerjakan haji itu orang-orang tawaf (mengelilingi bangunan besar) Ka‘bah? Kalau akal

digunakan tentu akan timbul pertanyaan: “Apakah faedahnya mengelilingi bangunan padahal Tuhan tidak bertempat kepada tidakkah ia sebagai memberi kemuliaan kepada batu ?!

Allāhu akbar! Kita disuruh mencium batu hitam, kita disuruh melontar batu di Jamrah, kita disuruh berlari-lari anak di antara Şafā dan Marwah dan banyak lagi perkara-perkara yang diperintahkan kita membuatnya – jika dikaji dengan akal dan perasaan kita adalah ia semuanya sesia sahaja. Tetapi kerana ia perintah yang diperintahkan dan kerana ia risudah¹ kita membuatnya dan kerana kita wajib taat kepada perintah-perintah Tuhan yang disampaikan dan ditunjukkan oleh junjungan kita Muḥammad (SAW) kepada kita maka tidak ada lain kata-kata yang disebut dan dibuat oleh orang yang beriman selain daripada *sami ‘nā wa ata ‘nā* – kami dengar dan kami taat.

Allāhu akbar! Umat Islam taat kepada perintah itu. Umat Islam patuh kepada perintah agamanya walaupun perkara-perkaranya bertentangan dengan akal – kerana ia diperintahkan mesti dibuat maka mereka buat. Tatkala khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb hendak mencium batu hitam (Ḥajar al-Aswad) ia berkata: “Aku ketahui bahawa batu ini tidak memberi manfaat dan tidak pula memberi mudarat tetapi kerana diperintahkan aku cium jua ia”.

Allāhu akbar! Begitulah umat Islam patuh kepada perintah-perintah Tuhan di dalam peribadatannya – tidak ada soal dan jawab yang mesti dikaji – apabila diperintahkan buat – buatlah – patuhlah membuatnya - *sami ‘nā wa ata ‘nā* – kami dengar dan kami taat.

Allāhu akbar! Selain daripada kewajipan-kewajipan yang besar yang dijalankan di dalam menunaikan haji itu yang perlu dijalankan dengan ketabahan hati dan dengan pengorbanan yang besar dengan harta dan dirinya sendiri, maka diperintahkan pada hari itu supaya tiap-tiap kita menunaikan korban – mengorbankan binatang-binatang untuk disembelih dan daging-dagingnya dibahagikan kepada fakir dan miskin!

Allāhu akbar! Riwayat korban ini adalah riwayat yang besar dan utama di dalam sejarah turunnya agama Allah. Riwayat korban tidak ada sebesar pengorbanan yang dilakukan oleh Nabī Ibrāhīm

¹ kesilapan ejaan, sebetulnya ‘disuruh’

'alayhi al-salām. Nabī Ibrāhīm, seorang Nabī dan rasul Tuhan yang menjadi punca keturunan Nabī Muḥammad (SAW) menerusi anaknya Nabī Isma'īl *'alayhi al-salām* adalah seorang Nabī yang pada masa mudanya mencari keyakinan akan adanya Tuhan yang menjadikan sekalian alam.

Allāhu akbar! Tatkala Nabī Ibrāhīm masih kecil ia melihat ayahnya, keluarganya dan kaumnya membuat berhala daripada batu, kemudian setelah siap berhala itu disembah mereka.

Pada masa itu ia tidak tahu adakah batu-batu itu Tuhan atau tidak.

Allāhu akbar! Apabila Ibrāhīm besar ia bertanya: “Berhala ini berasal daripada batu dan dibuat oleh tangan manusia, maka bagaimanakah ia boleh menjadi Tuhan? Ia terus berfikir dan memikirkan hal perbuatan manusia itu. Semenjak itulah Ibrāhīm terus-menerus berfikir untuk mencari siapakah Tuhannya yang sebenarnya. Ia mencari, mencari dan mencari sehingga pada suatu malam apabila ia sedang duduk berfikir seorang diri untuk menyelidiki siapakah Tuhan maka sekonyongnya terpangang olehnya sebuah bintang yang cemerlang di langit. Ia lalu berkata: Ini Tuhanku! Ia gembira dan menyembahnya tetapi kegembiraannya mendapati Tuhan itu seketika jua kerana tidak lama bintang yang bergemerlapan itu hilang. Ia lalu berkata: “Tidak, ini bukan Tuhan!”

Allāhu akbar! Ibrāhīm terus-menerus mencari Tuhan daripada perpindahan malam dan siang, matahari dan bulan, bukit dan lembah – akhirnya yakinlah ia Maha Suci Tuhan bersamaan dengan segala sesuatu yang terjadi itu. Tiap-tiap kejadian itu ada yang menjadikannya dan tidak ada pancaindera yang dapat merasa dan melihatnya. Maha Suci Allah daripada bersamaan sesuatu yang baharu.

Allāhu akbar! Kemudian setelah ia mengabdikan dirinya kepada Allah, untuk menambahkan keyakinan dan kepercayaannya terhadap kekuasaan Tuhannya, Nabī Ibrāhīm munajat kepada Tuhan memohon supaya Tuhan tunjukkan kepadanya bagaimana Tuhan menghidupkan yang mati. Permintaan Nabī Ibrāhīm dikabulkan Tuhan – ditunjukkan kepadanya bagaimana yang mati dihidupkan.

Allāhu akbar! Tuhan mengatakan bahawa adakah kamu dikatakan beriman jika kamu tidak dicuba? Percubaan

Tuhan tiba iaitu pada suatu hari Tuhan mewahyukan kepada Ibrāhīm supaya menyembelih anaknya Isma'īl sebagai satu korban untuk Allah seperti yang diriwayatkan di dalam *al-Qur'ān* surah al-Ṣaffāt dari ayat 102 hingga 111.

Allāhu akbar! Pada suatu malam, dalam masa Nabī Ibrāhīm sedang tidur, ia mendengar suatu suara yang berkata:

“Allah Ta'ālā memerintahkan supaya kamu menyembelih anak kamu Isma'īl” Nabī Ibrāhīm terkejut daripada tidurnya sambil berkata: “Tuhanku! Kalau Tuhan menghendaki aku menyembelih anakku maka aku taati!”

Allāhu akbar! Nabī Ibrāhīm tidur semula dan sekali lagi didengarnya suara yang memerintah menyembelih anaknya Isma'īl. Ia bangun daripada tidurnya lalu sembahyang dua rakaat, kemudian berkata: “Tuhanku, kalau Tuhan menghendaki supaya aku menyembelih anakku maka aku sedia taat”. Demikianlah sehingga tiga kali perintah itu tiba kepadanya.

Allāhu akbar! Nabī Ibrāhīm menerima percubaan yang besar. Adakah ia beriman akan Allah dengan sebenar-benar beriman? Adakah ia taat dan patuh kepada perintah Allah untuk menjalankan suatu perintah yang luar biasa beratnya untuk menyembelih anak sendiri, anak yang disayangi dan dikasihi, buah hati pengarang jantungnya? Ia patuh kepada perintah Tuhan, ia taat dengan tidak berbelah bahagi. Ia terus menjalankan perintah itu dan lalu mendapatkan anaknya dan setelah dihiasinya dengan pakaiannya yang baik lalu anaknya dibawanya naik ke atas sebuah bukit. Sesampainya di atas bukit ia berkata kepada anaknya: “Anakku, aku telah melihat di dalam mimpiku (mendengar suara perintah Allah), supaya menyembelih engkau. Apakah fikir engkau (di atas perintah ini?)

Allāhu akbar! Kalau anak orang biasa yang akan disembelih dan diberitahu lebih dahulu tentulah ia akan mengadakan perlawanan dan lari. Lehernya akan dipenggal oleh ayahnya sendiri – bukan di dalam perjuangan! Tetapi anaknya yang soleh patuh kepada perintah Tuhan – reda lehernya dipenggal untuk menunaikan perintah Tuhan, terus menjawab: “Ayahku, lakukanlah apa yang telah diperintahkan kepada ayah, dan ayah akan mendapati anakanda, *in shā'a Allāh* daripada orang-orang yang sabar”.

Allāhu akbar! Nabī Ibrāhīm terus mengikat tangan anaknya ke belakang dan menundukkan kepala anaknya ke arah sebuah batu besar. Nabī Ibrāhīm mengeluarkan pisaunya yang besar lalu menetapkan hatinya menunaikan perintah Allah untuk memotong leher anaknya. Ia berkata: “Tuhanku, inilah aku menunaikan perintah-Mu”.

Allāhu akbar! Sebelum pisau itu jejak ke tengkuk anaknya, Isma‘īl, tiba-tiba kedengaran satu suara: “Hai Ibrāhīm, telah benar perbuatanmu, sebagaimana yang diperintahkan di dalam mimpimu”. Pada saat itu Nabī Ibrāhīm terpancang seekor kambing kibash sedang dipegang oleh malaikat. Malaikat berkata kepadanya: “Sembelihlah kibash ini, sebagai korban penebus akan anakmu Isma‘īl supaya ia hidup kelak”. Nabī Ibrāhīm membuka ikatan tangan anaknya lalu ia sembahyang dua rakaat, bersyukur kepada Allah akan nikmat-Nya.

Allāhu akbar! Inilah suatu pengorbanan yang tidak ada tolok bandingnya, ayah reda mengorbankan barang yang dicintainya sedang anak reda dijadikan korban untuk Allah! Mereka mengetahui hidup dan matinya adalah daripada Allah – daripada-Nya mereka datang dan kepada-Nya ia kembali – yang tinggal hanya bakti kepada Allah, hidupnya menunaikan perintah Allah dan bertanggungjawab kepada menyempurnakan agama Allah supaya ia berjalan di dalam limpah kurnia Tuhan!

Allāhu akbar! Daripada masa itulah kita dikehendaki mengadakan korban sesudah menunaikan sembahyang Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban. Disunatkan bagi kita mengadakan penyembelihan binatang-binatang itu daripada binatang-binatang yang gemuk dan cukup sihat dan disunatkan memotong itu di tanah lapang dilihat oleh sekalian orang supaya mereka tidak berasa gerun melihat bagaimana pisau yang tajam memenggal halkum binatang yang sihat itu sehingga memancut-mancut darahnya yang mengerikan bagi orang yang tidak biasa melihat darah, menggembirakan bagi orang-orang yang biasa melihat darah. Daging binatang korban itu pula hendaklah dibahagi-bahagikan kepada fakir miskin supaya mereka merasa akan nikmatnya.

Allāhu akbar! Maha Suci Tuhan yang menjadikan sesuatu dan Maha Suci Tuhan daripada mengambil faedah daripadanya – Tuhan hanya menghendaki segala-segalanya supaya

manusia apabila diseru kepada jalan Allah tidak lain kata-katanya selain daripada *sami‘na wa ata‘na* – kami dengar dan kami taat – sekalipun mengorbankan segala sesuatu yang ada kepada-Nya, yang dikasihi dan disayanginya diserahkan untuk Allah bahkan tidak itu sahaja kalau perlu nyawanya sendiri bersedialah dikorbankannya untuk menegakkan kemuliaan agama Allah – sekianlah.

Allāhu akbar! Tuhanku, jadikanlah usaha kami ini yang kami buat dengan lisan dan tulisan, suatu usaha yang mendapat keredaan-Mu. Berilah oleh-Mu taufik dan hidayah-Mu! Tuhanku jadikanlah kami golongan yang menyeru kepada berbuat baik dan menegah kepada kemungkaran – *Āmīn* –

Allāhu akbar! Allāhu akbar! Allāhu akbar! Allāhu akbar!
Wa lillāhi al-ḥamd.

Risalah ini disusun oleh Edrus (Abdullah bin Hamid al-‘Idrus).

Sudah Terbit:

**SEJARAH PERAK DAHULU
DAN
SEKARANG**

oleh:

Abdullah Hj. Musa (Lubis)

“..... Pelajaran Sejarah ada-lah satu jenis pelajaran yang mustahak bagi sa-suatu bangsa yang sedang menuju kemerdekaan.....”.

Lengkap dengan bergambar, satu2-nya buku Sejarah Tanah Air yang terbaik!

Huruf Rumi:

Senaskhah \$2.00

Post 10 sen

Ambil banyak di-beri potongan.